


EDISI [Follow](#) >Pahang [Follow](#)

JAS siasat aduan bau busuk di Sungai Teritip

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN [Follow](#)

04 September 2024 03:19pm Masa membaca: 4 minit



Petugas melakukan kerja persampelan terhadap buangan di kawasan tersebut.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

PEKAN - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan terhadap aduan **bau busuk** berpunca daripada buangan berminyak dan berbau yang disyaki dibuang terus ke dalam Sungai Teritip, di tepi jalan utama Pekan-Rompin di sini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Pekan dalam kenyataannya berkata, siasatan dijalankan susulan aduan diterima daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pekan, 1 September lalu.

Menurut kenyataan itu, sepasukan pegawai penyiasat JAS bersama Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) Bomba telah ke lokasi bagi menjalankan siasatan serta pengujian in-situ di sekitar tempat kejadian.

"Hasil siasatan mendapati **bau busuk** tersebut berpunca daripada buangan berminyak dan berbau, yang disyaki dibuang terus ke dalam Sungai Teritip.

"Berikutan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah telah digerakkan untuk mengatur gerak kerja menangani kes pencemaran Sungai Teritip berikutan terdapat penempatan berhampiran dengan lokasi tersebut," jelasnya.

Jawatankuasa itu berkata, persampelan terhadap buangan di kawasan tersebut telah dijalankan dan sampel yang diambil dihantar ke Jabatan Kimia.



Pasukan HAZMAT Bomba turut ke lokasi bagi menjalankan siasatan serta pengujian in-situ di sekitar tempat kejadian.

"Pihak HAZMAT Bomba juga telah menjalankan pemantauan udara dan gas bagi menentukan tahap keselamatan udara di sekitar kawasan terjejas.

Artikel Berkaitan:

- [Pencemaran bau kimia dikesan di Sungai Plentong pula](#)
- ['Selut di pesisiran Teluk Kumbang bukan berpunca daripada projek tambak'](#)
- [Pencemaran bau kimia: Bungkus 'misteri' ditemui di anak Sungai Pandan](#)

"Hasil pemantauan udara di semua lokasi sekitar tempat kejadian termasuk di Sungai Teritip mendapati bacaan udara berada pada paras normal," ujarnya.

Sementara itu katanya, kerja-kerja **pembendungan** alur air siap dilaksanakan JPS Pekan dengan mengambil kira penilaian arah aliran air Sungai Teritip.

"Ketika ini kerja-kerja pembersihan kawasan terjejas sedang dalam peringkat tindakan," jelasnya.



Berita Telus & Tulus menerusi E-Mel setiap hari!

Email

Langgan

Melalui kenyataan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Pekan berkata, siasatan kini sedang dijalankan bagi mengesan penjenayah alam sekitar yang terlibat.

"Orang ramai yang melalui Jalan Nenas terutamanya kawasan Sungai Teritip pada 30 Ogos lalu (Jumaat) sekitar jam 6 petang hingga 8 malam dan mempunyai rakaman kamera papan pemuka kenderaan diminta untuk tampil bagi membantu siasatan dengan menghubungi JAS di talian 09-5730636 atau 019-9151953," katanya.

Dalam perkembangan sama, penduduk dinasihatkan agar memakai pelitup muka dan tidak menangkap ikan di alur air kawasan tersebut.

"Sekiranya ada penduduk yang mengalami gejala gatal-gatal kulit, mata berair, sesak nafas dan loya serta pening kepala, mereka dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Nenas," ujarnya.